

06/09/2002

Marina puji usaha murni Astro

RANCANGAN gameshow popular Roda Impian terbitan Measat Broadcast Systems Sdn Bhd (Astro) tidak pernah lupa tanggungjawab sosial terhadap kesejahteraan insan terutama membabitkan penghidap Kurang Daya Tahan Penyakit (Aids).

Atas kesedaran itu, Astro menyelitkan 10 episod khas yang akan menampilkan penyertaan istimewa personaliti popular seperti pengarah, penyanyi dan pelakon terkenal bagi tujuan itu.

Mereka yang terbabit termasuk Datuk Rahim Razali, Datuk Jins Shamsudin, Erma Fatima, Umie Aida, Vanidah Imran, Rashidi Ishak, Ferhad, Harith Iskandar, Fazley Yaakob dan tiga pengacara rancangan 3R.

Lebih menarik, Roda Impian edisi khas itu turut menampilkan Pengerusi Yayasan Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir yang akan digandingkan dengan Rahim Razali dan Jins.

Ketika ditemui selepas majlis menandatangani perjanjian persefahaman siri amal Roda Impian antara Astro dengan Majlis Aids Malaysia, di Kuala Lumpur, baru-baru ini, Marina memuji usaha murni Astro sebagai wakil badan korporat media dalam memenuhi tanggungjawab sosial menerusi cara unik.

"Tujuan utama siri amal ini adalah untuk membantu Yayasan Aids Malaysia mengumpul dana bagi pembiayaan program perubatan dan juga aktiviti pendidikan lain," katanya.

Yang menarik, selain menjadi kegiatan amal yang menggunakan perantara rancangan gameshow popular sebagai platform mendidik dan menyebarkan maklumat berhubung virus HIV, Roda Impian edisi khas juga menampilkan sedutan video berkaitan topik itu.